



PASUKAN UMS meraih tempat ke-4 dan membawa pulang trofi dan wang RM1,500.



DR RAMZAH DAMBUL



ROHANI HADI

## Acara debat mampu lahirkan pelajar berdaya saing: Dr Ismail

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa memberikan sokongan yang konsisten pada setiap program debat dalam kalangan para pelajar.

Justeru, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Ismail Ali (gambar) berkata, latihan dan aktiviti debat akan terus dirancakkan di peringkat universiti termasuk di kolej-kolej kediaman.

“Kemahiran dalam berdebat ini penting dalam membentuk sahsiah diri seorang pelajar bagi memupuk tahap keyakinan diri yang tinggi dan lebih berdaya saing selain sebagai usaha untuk mencungkil bakat-bakat

pelajar yang boleh diketengahkan dalam pertandingan-pertandingan peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pencapaian pendebat UMS yang meraih tempat keempat pada Pertandingan Debat Perdana Gender 2014 yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Dr. Ismail turut memuji usaha Dr Ramzah Dambul dan Rohani Hadi selaku wakil Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) di UMS yang sentiasa berusaha memartabatkan debat melalui pelbagai pendedahan dan peningkatan

kemahiran dalam kalangan siswa siswi.

“Hasilnya, daripada 60 pasukan yang bertanding dalam kategori Bahasa Malaysia kita berjaya hingga ke peringkat akhir sekali gus meraih hadiah wang tunai RM1,500. Ia satu pencapaian membanggakan,” tambahnya lagi.

Pertandingan ala Parlimen British itu menyaksikan pasukan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) B muncul juara, disusuli Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai naib juara dan pasukan UIA A dan UMS masing-masing di tempat ketiga dan keempat.

